



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

MERDEKA TANPA SAMPAH : SWCORP PERKETAT PENGUATKUASAAN DI LOKASI TUMPUAN

PUTRAJAYA, 28 Ogos 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) mengingatkan orang ramai yang akan menghadiri Festival Ambang Merdeka 2026 di Dataran Merdeka dan Sambutan Hari Kebangsaan 2026 di Putrajaya, supaya **menjaga kebersihan serta tidak membuang atau meninggalkan sampah sesuka hati.**

Kehadiran orang ramai dalam jumlah yang besar sempena sambutan berkenaan dijangka meningkatkan penghasilan sisa seperti bekas makanan dan minuman, botol plastik, pembungkus makanan serta barangan pakai buang. Justeru, setiap pengunjung bertanggungjawab memastikan sampah yang dihasilkan dibuang ke tempat yang disediakan sebelum meninggalkan lokasi sambutan.

Bagi memastikan kebersihan kawasan terus terpelihara, SWCorp akan memperketatkan pemantauan dan penguatkuasaan dengan menempatkan anggota penguat kuasa di lokasi-lokasi tumpuan sepanjang sambutan. Tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap individu yang didapati melakukan kesalahan membuang sampah kecil di tempat awam.

Orang ramai diingatkan bahawa kesalahan membuang sampah kecil di tempat awam boleh dikenakan tindakan di **bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672]**. Jika disabitkan kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda sehingga RM2,000. Mahkamah juga boleh mengenakan **Perintah Khidmat Masyarakat (PKM)** sehingga maksimum 12 jam yang perlu diselesaikan dalam tempoh enam (6) bulan.

Antara bentuk khidmat masyarakat yang boleh diperintahkan termasuk kerja-kerja pembersihan seperti mengutip dan menyapu sampah serta membersihkan kawasan awam di bawah penyeliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming berkata, kemeriahan sambutan Hari Kebangsaan perlu diterjemahkan bukan sahaja melalui semangat patriotisme, tetapi juga melalui disiplin dan tanggungjawab rakyat dalam menjaga kebersihan negara.

“Kita mahu rakyat Malaysia turun beramai-ramai menyambut Hari Kebangsaan dengan penuh semangat dan rasa bangga. Selepas kita melaungkan ‘Merdeka’, janglah kita tinggalkan sampah merata-rata. Cinta kepada negara bukan sekadar

mengibarkan Jalur Gemilang tetapi turut dibuktikan melalui sikap kita menjaga kebersihan negara dan meningkatkan imej negara.”

Beliau berkata, pengalaman sebelum ini, termasuk ketika Dataran Merdeka dipenuhi sampah selepas aksi final Piala Dunia 2026 perlu dijadikan iktibar agar perkara sama tidak berulang.

“Kebersihan bukan tanggungjawab petugas pembersihan semata-mata. Sebaliknya, setiap individu perlu bertanggungjawab terhadap sampah yang dihasilkan sendiri.

“Datanglah dengan semangat Merdeka dan pulanglah dengan penuh tanggungjawab. Kita mahu Dataran Merdeka dan Putrajaya kekal bersih selepas sambutan kemerdekaan. **Malaysia rumah kita, kebersihan tanggungjawab kita bersama,**” katanya.

Sehubungan itu, KPKT dan SWCorp menyeru semua pengunjung supaya mengamalkan prinsip “Datang Bersih, Balik Bersih” dengan memastikan semua sampah dibuang ke tempat yang disediakan sebelum meninggalkan lokasi sambutan.

Kerjasama orang ramai amat penting bagi memastikan lokasi sambutan kekal bersih, selamat dan selesa untuk semua. Sambutan Hari Kebangsaan seharusnya bukan sahaja menjadi manifestasi kecintaan kepada negara, malah mencerminkan disiplin, tanggungjawab sivik dan budaya kebersihan rakyat Malaysia.

KPKT dan SWCorp menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk bersama-sama menjadikan sambutan Hari Kebangsaan 2026 sebagai simbol sebuah negara yang bukan sahaja merdeka dan bersatu, tetapi juga bersih dan bertanggungjawab.

#MalaysiaMADANI

#Kesejahteraan

#StrongerTogether

#DemiPertawi

#UnityInDiversity

#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh :

Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel media.ukk@kpkt.gov.my

